

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/(31)

Tarikh : 18 September 1998

Semua Ketua Jabatan Persekutuan di Sabah dan
Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Persekutuan di Sabah dan
Wilayah Persekutuan Labuan

Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 5 TAHUN 1998**

**PENYELEWENGAN DAN AMALAN-AMALAN SERTA KESALAHAN-KESALAHAN
YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN YANG SEDANG BERKUATKUASA**

Adalah saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan, bahawa hasil daripada beberapa siri pemeriksaan mengejut ke Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah yang dibuat dari semasa ke semasa dan juga urusan seharian Pejabat ini, adalah didapati bahawa terdapat pelbagai penyelewengan yang dirancang begitu rapi dan amalan-amalan serta kesalahan-kesalahan yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. Beberapa contoh penyelewengan dan amalan-amalan serta kesalahan-kesalahan yang dapat dikesan, yang tidak mematuhi peraturan semasa adalah seperti di "LAMPIRAN A "pada Surat Pekeliling ini.

3. Sukacita diingatkan sekiranya pihak Jabatan dan Agensi Persekutuan di Sabah serta Wilayah Persekutuan Labuan ada melakukan penyelewengan dan amalan-amalan serta kesalahan-kesalahan yang tidak mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa, Perbendaharaan Malaysia Sabah tidak akan teragak-agak mengesyorkan supaya pegawai yang bertanggungjawab dikenakan tindakan seperti berikut samada:

3.1 Tatatertib;

3.2 Surcaj; atau

3.3 Arahan Perbendaharaan 59.

4. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan pejabat ini juga tidak akan mempertimbangkan permohonan kelulusan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) sekiranya didapati ianya berpunca daripada penyelewengan dan amalan-amalan serta kesalahan-kesalahan yang tidak mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa.

5. Sehubungan dengan itu, dengan keluarnya Surat Pekeliling ini semua Jabatan dan Agensi Persekutuan di Sabah serta Wilayah Persekutuan Labuan adalah diminta dengan serta-merta menghentikan semua bentuk penyelewengan dan amalan-amalan serta kesalahan-kesalahan tersebut. Sekiranya pejabat ini mendapati masih ada lagi Jabatan dan Agensi yang mempraktikkan penyelewengan dan pelanggaran peraturan yang sedang berkuatkuasa, Pejabat ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

6. Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sabah Bilangan 5 Tahun 1998 ini adalah berkuatkuasa dengan serta-merta.

Sekian, terima kasih.

`BERKHIDMAT UNTUK NEGARA`

Saya yang menurut perintah,

t.t

(DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah

LAMPIRAN A

1. TEMPOH GERENTI DAN LAIN-LAIN KETERANGAN

- 1.1. Dua belas (12) bulan dari tarikh bekalan diterima oleh Jabatan Pengguna. Di dalam tempoh ini sebarang kerosakan kecuali disebabkan oleh penyalahgunaan akan diganti dengan percuma oleh Kontraktor.

2. KAWASAN BEKALAN

- 2.1. Meliputi seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

3. TEMPOH PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN ATAU PENYERAHAN

- 3.1. Tempoh pembekalan dan pemasangan atau penyerahan ialah serta merta.

4. HARGA

- 4.1. Semua harga adalah termasuk semua jenis cukai kastam, cukai jualan, cukai tokok dan kos pembekalan dan pemasangan serta penyerahan.